

**Malaysia akan Berusaha Pererat Hubungan Dengan Tajikistan – Titah Agong
Bernama
Jun 23, 2014**

KUALA LUMPUR, 23 Jun (Bernama) -- Malaysia akan meneruskan usaha mengerat dan mengekalkan hubungan baik dengan Republik Tajikistan bagi faedah dan kemakmuran bersama-sama, titah Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah.

Seri Paduka bertitah walaupun hubungan perdagangan dan ekonomi antara kedua-dua negara masih belum mencapai prestasi sepenuhnya, namun terdapat momentum yang memberangsangkan dalam bidang itu sejak kebelakangan ini.

"Beta mengambil maklum mengenai perbincangan yang telah diadakan kedua-dua negara dalam usaha meningkatkan usaha mengukuhkan kerjasama dalam pelbagai bidang merangkumi ekonomi, pelancongan, pendidikan, tenaga, sains dan teknologi serta hubungan di antara rakyat," titah baginda.

Seri Paduka bertitah demikian pada jamuan negara bagi meraikan Presiden Tajikistan Emomali Sharipovich Rahmon yang mengadakan lawatan negara pertama ke Malaysia di Istana Negara di sini, Isnin malam.

Tuanku Abdul Halim diiringi Raja Permaisuri Agong Tuanku Hajah Haminah manakala Rahmon diiringi isteri Azizamoh Rahmon.

Turut hadir ialah Timbalan Perdana Menteri Tan Sri Muhyiddin Yassin dan isteri Puan Sri Noorainee Abdul Rahman.

Yang di-Pertuan Agong juga yakin lawatan Rahmon akan membuka era baharu dalam hubungan dua hala Malaysia-Tajikistan, dan baginda ingin melihat kerjasama lebih erat dalam bidang pengajian tinggi di antara kedua-dua negara.

"Beta berharap lebih ramai pelajar Tajikistan akan memilih Malaysia sebagai destinasi untuk melanjutkan pelajaran mereka," titah baginda.

Kunjungan Rahmon ke Malaysia selama empat hari yang bermula Ahad adalah atas undangan Tuanku Abdul Halim dan merupakan lawatan pertama Rahmon sejak terjalannya hubungan diplomatik antara Tajikistan dan Malaysia pada 1992.

Sementara itu, dalam ucapannya, Rahmon berkata Tajikistan dan Malaysia berkongsi kepentingan bersama dan sama-sama berminat untuk memastikan kemajuan dan kemakmuran kedua-dua negara, memastikan keamanan dan kestabilan berkekalan di benua Asia dan seluruh dunia.

"Kami yakin di sebalik kedudukan geografi dan jarak jauh, kedua-dua negara mampu menjadi model kepada kerjasama yang produktif dan berhasil.

"Kami percaya bahawa kami akan mengikuti peredaran masa dan tindakan kami perlu memenuhi standard dalam era ini yang menjadi penentu sejarah kemanusiaan," katanya.

-- BERNAMA

Copyright © 2014 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v7/bm/newsindex.php?id=1048744>